

26 OCT 1997

Kit Siang-Gerakan

DAP TIDAK BERTANDING DI SUNGAI BAKAP JIKA JEJASKAN KEPENTINGAN NEGARA

IPOH, 26 Okt (Bernama) -- DAP bersedia untuk tidak bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap 8 Nov depan sekiranya parti Gerakan dapat membuktikan kehadiran DAP menjejaskan kepentingan negara.

Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang berkata, partinya bersedia mendengar penjelasan dan hujah Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik bagi membolehkan partinya tidak bertanding pada pilihan raya kecil itu dan memberikan kemenangan kepada Barisan Nasional (BN) sekiranya dakwaan itu benar.

Presiden Gerakan itu tidak mahu DAP bertanding di Sungai Bakap kerana berkemungkinan mempunyai alasan tertentu, katanya selepas mengadakan mesyuarat dengan pemimpin-pemimpin DAP Perak di sini, hari ini.

Dr Lim sebelum ini menggesa DAP tidak bertanding pada pilihan raya kecil itu bagi membuktikan kejujuran dan sokongannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kit Siang berkata, walaupun partinya menyatakan sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri dalam menghadapi krisis ekonomi negara ketika ini, namun tidak bermakna DAP akan memberikan laluan mudah kepada Gerakan pada pilihan raya itu.

Proses demokrasi di negara ini tidak harus terjejas dengan sokongannya kepada Dr Mahathir dan bukan cara terbaik menyatakan sokongan itu dengan tidak bertanding di Sungai Bakap, katanya.

Semalam ketua pembangkang itu mengumumkan Setiausaha Pengurusan DAP Pulau Pinang, Goh Kheng Huat sebagai calon parti itu bagi menentang calon Gerakan yang mewakili BN, Lai Chew Hock.

Beliau turut menyerahkan keputusan kepada kepimpinan DAP Perak bagi memutuskan sama ada bertanding atau sebaliknya pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Changkat Jering yang diadakan serentak dengan pemilihan di Sungai Bakap.

Keputusan muktamad berhubung pertandingan di Changkat Jering belum diputuskan walaupun DAP negeri pernah membayangkan meletakkan calonnya. --

BERNAMA

RZS PR